



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : BAHASA KEBANGSAN A
KOD KURSUS : MPU2213
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (20 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (50 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **dua puluh(20)** soalan.

Jawab **semua** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Penggunaan bahasa Melayu dalam undang-undang dan kehakiman memenuhi fungsi bahasa Melayu sebagai
 - A bahasa perhubungan.
 - B bahasa kebangsaan.
 - C bahasa perpaduan.
 - D bahasa rasmi.
2. Yang berikut adalah masalah-masalah yang dihadapi dalam mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan **kecuali**
 - A persaingan dengan dialek-dialek tempatan.
 - B banyaknya kekeliruan yang timbul akibat pengaruh bahasa asing.
 - C persaingan dengan bahasa Inggeris khususnya pelaksanaan dalam bidang-bidang profesional.
 - D sikap acuh tidak acuh pengguna bahasa Melayu dalam membudayakan bahasa Melayu.

Soalan 3 adalah berdasarkan kepada pernyataan yang berikut.

“Bahasa Kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang oleh parliment”.

Pernyataan 1

3. Petikan dalam Pernyataan 1 di atas terkandung dalam
 - A Penyata Razak 1956.
 - B Akta Bahasa Kebangsaan 1963.
 - C Akta Bahasa Kebangsaan 1967.
 - D Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.

4. Konsep bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi menurut Perlembagaan Persekutuan merujuk kepada penggunaan bahasa Melayu oleh
- i sektor swasta.
 - ii kerajaan negeri.
 - iii universiti swasta.
 - iv kerajaan persekutuan.
- A** i dan ii
B i dan iv
C ii dan iii
D iii dan iv
5. Sebagai bahasa kebangsaan bahasa Melayu menjadi bahasa
- i rasmi negara.
 - ii media massa.
 - iii perhubungan.
 - iv pengantar pendidikan.
- A** i dan ii
B i dan iv
C ii dan iii
D iii dan iv
6. Yang manakah pernyataan yang **benar** tentang morfologi?
- i. Bidang yang mengkaji pembentukan kata.
 - ii. Bidang yang mengkaji bunyi dan makna kata.
 - iii. Bidang yang mengkaji fonem, morfem dan kata.
 - iv. Bidang yang mengkaji bentuk, struktur dan golongan kata.
- A** i dan ii
B i dan iv
C ii dan iii
D iii dan iv

7. Yang manakah kata berimbuhan yang kata dasarnya terdiri daripada kata terbitan sisipan?

- i. Berkecuali.
- ii. Berkelopak.
- iii. Berkeruping
- iv. Berkecimpung

A i dan ii

B i dan iv

C ii dan iii

D iii dan iv

8. Yang manakah contoh yang betul bagi kata tunggal, kata ganda dan kata terbitan?

	Kata tunggal	Kata ganda	Kata terbitan
i	Setem	Jari-jari	Mahasiswa
ii	Delima	Lelaki	Belajar
iii	Doa	Cencaluk	Cepumas
iv	Ancaman	Kayu-kayan	Samudera

A i dan ii

B i dan iii

C ii dan iv

D iii dan iv

9. Pilih penulisan kata majmuk yang betul.

A Kemaskini.

B Kakitangan.

C Bandaraya.

D Antara bangsa.

10. Pilih perkataan yang merupakan kata nama am abstrak.

A Harapan, fikiran dan lautan.

B Pandangan, impian dan perpaduan.

C Kenangan, jambatan dan pelabuhan.

D Bangunan, keinginan dan kemerdekaan.

11. Berikut adalah beberapa kumpulan kata. Pilih kumpulan kata yang terdiri daripada kata kerja tak transitif tanpa pelengkap.

- A** Ketawa, menjerit, menangis.
- B** Menendang, meraung, sembuah.
- C** Menggoreng, menangis, beransur.
- D** Menyanyi, menanam, memberkati.

12. Pilih ayat yang mengandungi kata kerja transitif.

- A** Ibu tidur berbungkangan langit.
- B** Tindakannya itu tidak memeningkan kepala.
- C** Adik sedang menangis tersedu-sedu di tepi amben.
- D** Ali membaca buku di perpustakaan sekolahnya pada setiap petang.

13. Yang manakah ayat yang menggunakan kata penguat bebas?

- A** Sungguh hebat pasukan badminton Malaysia pada kejohanan kali ini.
- B** Jelas sekali bahawa kenaikan harga minyak di pasaran dunia kini membebankan rakyat.
- C** Penampilannya yang sopan sekali dalam majlis anugerah itu mendapat perhatian hadirin.
- D** Keindahan pulau Sipadan cukup dikagumi oleh para pelancong yang mengunjunginya.

14. Pilih ayat yang tidak menggunakan kata sendi nama *pada* dengan tepat.

- A** Wang itu ada pada saya.
- B** Pakaianya tersangkut pada sebatang kayu.
- C** Para pekerja itu datang tepat pada masanya.
- D** Mereka dibahagikan pada dua kumpulan kecil.

15. Mana satukah kata yang boleh berfungsi sebagai kata hubung dan kata sendi nama?

- A** Untuk
- B** Tentang
- C** Manakala
- D** Sementara

16. Pilih ayat yang menggunakan kata hubung gabungan berurutan.

- A** Baju yang berwarna merah itu ialah baju ibu.
- B** Salmah makan nasi goreng manakala Ali makan mi kari.
- C** Azman, Maniam, Gabriel dan Chong merupakan sahabat karib.
- D** Guru besar memaklumkan bahawa sekolah mereka telah berjaya memenangi perlawanan bola sepak tujuh sebelah.

17. Yang manakah ayat yang menggunakan kata nafi dengan betul?

- i. Kata-katanya itu tidak hendak menghina sesiapa.
 - ii. Karangan yang ditulis oleh pelajar itu tidak berapa panjang.
 - iii. Baju yang dipakainya itu tidaklah cantik sangat tetapi mahal.
 - iv. Mereka datang bukan hendak menolong sebaliknya hendak makan sahaja.
- A** i dan ii
 - B** i dan iii
 - C** ii dan iv
 - D** iii dan iv

18. Pilih ayat yang menggunakan kata *lalu* sebagai kata tugas.

- A** Dia selalu lalu di hadapan rumah saya.
- B** Pelajar berdiri tegak lalu menyanyikan lagu Negaraku.
- C** Kesesakan lalu lintas semakin serius di bandar raya utama.
- D** Mereka bertolak ke pusat peranginan itu dua hari yang lalu.

Soalan 19 berdasarkan **Ayat 1** di bawah.

Adik minum teh tetapi abang minum kopi.

Ayat 1

19. Nyatakan jenis ayat majmuk dalam Ayat 1 di atas.

- A** Ayat majmuk gabungan berurutan.
- B** Ayat majmuk gabungan campuran.
- C** Ayat majmuk gabungan berpasangan.
- D** Ayat majmuk gabungan bertentangan.

Soalan 20 berdasarkan **Ayat 2** di bawah.

Mereka *indah* kawasan sekolah dengan menanam pokok-pokok bunga yang baru dibeli.

Ayat 2

20. Yang manakah imbuhan yang paling sesuai untuk kata *indah* dalam ayat di atas?

- A** -kan
- B** meng-
- C** memper-
- D** memper-...-kan


[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **satu** soalan karangan bergambar.

Jawab soalan tersebut di dalam Kertas Jawapan.

Tulis sebuah karangan berdasarkan carta pai di bawah. Panjang karangan anda tidak lebih daripada 200 patah perkataan.



[30 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **dua (2)** soalan berbentuk esei.

Jawab **satu** soalan sahaja. Panjang esei anda adalah tidak kurang daripada 300 patah perkataan. Tulis jawapan anda di dalam Kertas Jawapan.

- i. Sebagai setiausaha Kelab Bahasa dan Budaya anda telah diminta untuk menyediakan laporan lengkap tentang Kempen Membaca yang telah dianjurkan oleh kelab anda. Laporan anda meliputi tujuan kempen diadakan dan kepentingan kempen tersebut kepada pelajar.

Sediakan laporan tersebut selengkapnya.

- ii. Anda merupakan seorang penulis amatur. Anda ingin menulis sebuah rencana untuk dimuatkan di dalam halaman rencana penulis di salah sebuah akhbar tempatan. Tulis rencana anda yang bertajuk “Pentingnya semangat nasionalisme dipupuk dalam kalangan generasi muda”.

[50 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**

Skema Jawapan

Bahagian A

1. D
2. A
3. D
4. B
5. B
6. B
7. C
8. A
9. B
10. B
11. A
12. D
13. A
14. D
15. A
16. C
17. C
18. D
19. D
20. C

BAHAGIAN B

Pengenalan	5 markah		
Refleksi terhadap gambar	5 markah		
Isi	Baik	-	8-10 markah
	Sederhana	-	5-7 markah
	Lemah	-	1-4 markah
	Bahasa:		
	-	Baik	4-5 markah
		Sederhana	-
		Lemah	2-3 markah
		-	0-1 markah
Penutup	5 markah		

BAHAGIAN C:

SOALAN 1

SKEMA:

SOALAN 1 dan 2

Format - 4 markah

Pendahuluan - 3 markah

Penutup - 3 markah

Isi:

Baik - 21-30 markah

Sederhana - 11-20 markah

Lemah - 1-10 markah

Bahasa:

Baik - 8-10 markah

Sederhana - 5-7 markah

Lemah - 1-4 markah